

Sasaran kadar penggunaan 15 peratus EV boleh dicapai

Insentif lebih menarik, kemudahan ujian tingkat kadar pemilikan

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Sasaran kadar penembusan kenderaan elektrik (EV) 15 peratus menjelang 2030 boleh dicapai jika ia terus disokong oleh insentif lebih menarik, kemudahan ujian dan pembangunan sistem pengurusan bateri, kata penganalisis.

Affin Hwang Investment Bank dalam nota penyelidikannya berkata, pengenalan cukai karbon juga menjadi satu lagi pilihan untuk meningkatkan penggunaan EV.

“Kerajaan perlu menyediakan insentif yang menjadikan EV lebih menarik; mewujudkan kemudahan ujian untuk mengurangkan kos overhead syarikat dan membangunkan sistem pengurusan bateri lebih baik untuk disesuaikan dengan pengguna EV,” katanya.

Bank pelaburan itu berkata, apabila pengguna pakai kenderaan EV, pilihlah seharusnya melihat jumlah kos pemilikan, bukannya harga EV.

“Untuk tempoh jangka panjang, kami percaya kos pemilikan mungkin lebih murah berbanding memiliki kenderaan dengan enjin pembakaran dalaman, te-

rutama jika harga minyak terus meningkat dan sekiranya subsidi petrol dimansuhkan,” katanya.

Affin Hwang Investment berkata, kadar EV diunjurkan mencecah 15 peratus menjelang 2030 dengan Dasar Automotif Nasional 2020 (NAP 2020) dijangka memacu kenderaan generasi baharu (NxGV), mobiliti sebagai perkhidmatan (MaaS) dan Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0).

Katanya, mencapai sasaran itu juga, Institut Automotif, Robotik dan IoT Malaysia (MARii) bekerjasama rapat dengan syarikat korporat serta syarikat pemula niaga daripada pengeluar asal (OEM) hinggalah peserta berasaskan perkhidmatan bagi memanfaatkan penggunaan teknologi membabitkan produk dan prestasi peralatan yang lebih baik.

“MARii turut dilihat sedang merangka mekanisme insentif baharu dengan pelbagai strategi sehingga 2035 bagi meningkatkan penerimaan EV.

“Institut itu menasaskan kadar penembusan pasaran EV kepada jumlah keseluruhan industri (TIV) sebanyak 15 peratus menjelang 2030,” katanya.

Bank pelaburan itu berkata, EV juga menawarkan peluang dalam rangkaian bekalannya termasuk peluang perniagaan dalam kawasan stesen pengecasan, perniagaan baharu dalam pusat kebolehpasaran EV, aktiviti pembuatan dan kitar semula untuk menggalakkan aktiviti ekonomi sirkular serta pengeluaran tempatan bagi komponen kritikal dalam rangkaian bekalan.

“Berdasarkan semakan kami



Kos pemilikan kenderaan elektrik untuk tempoh jangka panjang lebih murah berbanding kenderaan enjin pembakaran dalaman. (Foto hiasan)

dengan syarikat pengeluar dan komponen, setiap syarikat sudah merangka strategi dan inisiatif sendiri dalam rangkaian bekalan EV.

“Dalam beberapa tahun akan datang, kami menjangkakan berlakunya konsolidasi dalam sektor ini untuk meletakkan kedudukan mereka dalam industri merangkumi tahap pembabitan dalam pembuatan, pemasangan, pengedaran dan/atau penyediaan perkhidmatan selepas jualan dalam rangkaian bekalan EV,” katanya.

Affin Hwang Investment berkata, ada hampir 300 EV di jalan raya Malaysia dan setakat ini, kadar penggunaan lebih perlahan berbanding negara ASEAN yang lain.

“Kami ambil perhatian bahawa pengguna akan melihat ketersediaan infrastruktur untuk me-

ngecas EV sebelum membuat keputusan untuk membeli.

“Pada masa ini, hanya terdapat 600 stesen pengecasan di Malaysia dan MARii menasaskan untuk memiliki nisbah 1:7, iaitu EV kepada stesen pengecasan untuk meningkatkan penggunaannya.

“Kita perlu mengambil perhatian bahawa Pelan Tindakan Mobiliti Rendah Karbon 2021-2030 menasaskan untuk 10,000 stesen pengecas EV menjelang 2025,” katanya.

Justeru, katanya, kerajaan perlu memastikan pengenalan model EV baharu berkembang selari penubuhan stesen pengecas.

“Oleh itu, kerajaan menawarkan elaun cukai pelaburan dengan status perintis sehingga 10 tahun untuk korporat dalam perniagaan berkaitan EV, bergantung kepada pelan cadangan mereka,” katanya.